

Sah solat dengan berseluar pendek

Soal jawab agama



Bersama **DR. MOHAMMAD NIDZAM ABDUL KADIR AL-JARUMI**
Pensyarah di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia dan
Pendakwah bebas. Kemusykilan boleh diajukan ke nidium@yahoo.com

APAKAH hukum bagi seseorang Muslim bersolat dengan memakai seluar pendek?

TIDAK menjadi masalah jika seseorang itu bersolat dengan memakai seluar pendek selagi pakaian yang dipakai menutup aurat. Aurat lelaki ialah antara pusat dan lutut. Ini bermaksud, pusat dan lutut juga wajib ditutup kerana tidak sempurna menutup aurat tanpa ditutup pusat dan lutut.

Seseorang memakai seluar pendek dan kemudiannya

memakai kain pelikat, maka biasanya aurat lelaki itu tertutup dengan elok. Maka solatnya sah dalam aspek menutup aurat. Jika seseorang memakai seluar pendek yang labuh dan besar sehingga dapat menutup auratnya maka solatnya juga sah.

Namun begitu, sewajarnya diraikan adab dan budaya masyarakat. Adalah pelik jika kita bersolat dengan seluar pendek walaupun kemungkinan dapat menutup aurat. Ini kerana masyarakat memahami bahawa seluar pendek adalah seluar yang tidak menutup paha dan lutut.



Produk ditamatkan sijil halal

SAYA membeli barang keperluan makanan, kemudian ada kawan menghantar senarai barang yang telah tamat sijil halal oleh pihak berkuasa. Adakah barang yang telah tamat sijil halal itu perlu dibuang?

bahawa sesuatu produk itu tidak halal. Selagi bahan yang digunakan halal maka ia dihukum halal.

Contohnya, nasi lemak yang dijual di kaki lima jalan biasanya tiada sijil halal, namun bahan yang digunakan adalah halal seperti beras, telur, ikan bilis dan timun. Maka nasi lemak tersebut adalah halal.

Berbalik kepada isu yang dibangkitkan, produk ditarik sijil halal. Ini bermaksud produk itu sudah mendapat sijil halal sebelum ini.

Ada beberapa kemungkinan, penarikan sijil halal bukan perkara muktamad bahawa ia tidak halal. Maka produk tersebut masih boleh digunakan. Namun untuk masa akan datang, hindari daripada membeli produk yang sudah tiada sijil halal.

SIJIL halal penting dalam memastikan status halal dan kebersihan sesuatu produk makanan. Ini kerana sijil halal pihak berkuasa dikeluarkan setelah melalui proses panjang dalam menyemak dan menilai status halal sesuatu produk.

Ia merangkumi pelbagai aspek seperti bahan mentah, kilang yang mencapai standard halal, kebersihan pekerja dan sebagainya. Dengan sijil halal, kita sebagai pengguna tidak perlu bimbang lagi.

Namun bukan bermaksud ketiadaan sijil halal petunjuk

Pakai bedak batal wuduk?

ADAKAH batal wuduk apabila seseorang memakai bedak selepas mengambil wuduk?

WUDUK tidak terbatal dengan sebab memakai bedak. Ini kerana memakai bedak tidak termasuk dalam perkara yang membatalkan wuduk.



Tutup kepala sebelum masuk tandas?

ADAKAH sunah menutup kepala ketika memasuki tandas?

TIDAKLAH menjadi kewajipan untuk menutup kepala ketika masuk ke dalam tandas. Oleh itu, tidak berdosa jika kepala tidak ditutup. Namun, terdapat riwayat hadis dalam Sunan Baihaqi yang menyebut riwayat hadis tutup kepala ketika berada dalam tandas.

Namun hadis ini juga tidak terlepas daripada kritikan. Maka secara pasti, tidak menjadi kesalahan untuk sesiapa yang ingin menutup kepala begitu juga sebaliknya.

Berapa banyak daging korban perlu disimpan

BERAPAKAH bahagian sedekah dalam ibadat korban?

BAGI ibadat korban, seeloknya keseluruhan daging tersebut disedekahkan kecuali hanya sedikit. Contohnya, ibadat korban yang dilakukan

di luar negeri atau di luar negara. Kesemuanya disedekahkan tanpa diambil sedikit pun oleh Muslim yang membuat ibadat korban. Jika ibadat korban dibuat di tempat sendiri, maka ambil sedikit sekadar satu atau dua kilogram daging, manakala selebihnya disedekahkan.

